

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Program SPS Madani dan SPS Padanan Caruman

Program SKSPS di bawah Belanjawan 2023 adalah terbahagi kepada dua iaitu SPS Madani dan SPS Padanan Caruman seperti berikut: pembentangan Belanjawan 2023 di bawah SKSPS kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS)?

Bil	Soalan	SPS Madani	SPS Padanan Caruman
1.	Apakah inisiatif bantuan kerajaan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2023 di bawah SKSPS kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS)?	<ul style="list-style-type: none"> • SPS Madani ialah bantuan penuh caruman di mana pihak Kerajaan menyediakan pembiayaan caruman sepenuhnya (100%) di bawah Pelan Caruman 2 (RM232.80) dan Pelan Caruman 4 (RM592.80) dengan tempoh perlindungan selama 12 bulan (1 tahun) kepada OBS melalui kumpulan sasaran yang ditetapkan seperti di Bil 2. 	<ul style="list-style-type: none"> • SPS Padanan Caruman ialah pembiayaan padanan caruman di mana OBS hanya perlu membayar sebanyak 20% (RM46.60) sahaja daripada kadar caruman RM 232.80 di bawah Pelan Caruman dua (2). OBS layak diberi perlindungan selama 12 bulan (1 tahun) selepas bayaran tersebut diterima. Baki bayaran 80% (RM186.20) akan dibiayai oleh Kerajaan.
2.	Siapakah kumpulan OBS yang disasarkan untuk menerima inisiatif Kerajaan di bawah program ini?	<p>Kumpulan sasaran di bawah SPS Madani ini dikhususkan kepada empat (4) kategori seperti berikut:</p> <p>i. Anggota Pasukan Sukarelawan (Pelan Caruman 2)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anggota Tentera • Anggota Polis Simpanan • Anggota Pertahanan Awam Malaysia • Anggota Maritim • Anggota Bomba • Anggota RELA • Anggota KKM • Anggota St. John Ambulans Malaysia • Anggota Persatuan Bulan Sabit Merah <p>ii. Pekhidmat Rumah Ibadat Islam (JAKIM) (Pelan Caruman 2) Guru Takmir, Noja, Siak, Imam, Bilal dan Merbut</p>	<p>Kumpulan sasaran di bawah SPS Padanan Caruman ini dikhususkan kepada sebelas (11) kategori berikut:</p> <p>i. SPS Jaja 2.0 Sektor Penjaja, Sektor Penjagaan dan Perawatan, Sektor Makanan, Sektor Pembuatan, Sektor Pengumpulan Barang.</p> <p>ii. SPS Agro Sektor Pertanian, Sektor Penternakan, Sektor Perhutanan, Sektor Perladangan.</p> <p>iii. SPS Joran Perikanan darat dan laut (Akuakultur).</p> <p>iv. SPS Lain Upaya 2.0 Orang kurang upaya yang bekerja sendiri di bawah 20 sektor.</p>

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Program SPS Madani dan SPS Padanan Caruman

Bil	Soalan	SPS Madani	SPS Padanan Caruman
2.		<p>iii. Penyelia dan Petugas Pemulihan Komuniti (Pelan Caruman 2)</p> <p>iv. Anggota Sektor Awam (Pelan Caruman 4) Berstatus <i>Contract for Service</i></p>	<p>v. SPS Asal 2.0</p> <ul style="list-style-type: none"> Orang Asli (Semenanjung) yang bekerja sendiri di bawah 20 sektor Orang Asal (Sabah dan Sarawak) yang bekerja sendiri di bawah 20 sektor. <p>vi. SPS Seni 2.0 Semua kelas di bawah Sektor Kesenian, Kebudayaan, Kreatif, Karang kraf, Silat, Budaya Warisan, Seni Ukir, Jurusolek, Artifak.</p> <p>vii. SPS Gig 3.0 Orang yang bekerja sendiri menggunakan aplikasi digital di bawah syarikat pengantara (Service Platform Provider) di bawah 20 sektor.</p> <p>viii. SPS Usahawanita 2.0 Wanita yang bekerja sendiri di bawah 20 sektor.</p> <p>ix. SPS Sukan Semua sukan Malaysia termasuklah sukan tradisional, e-sport, jurulatih, ahli sukan bertaraf profesional, pelajar-pelajar di bawah tajaan MSN, silat olahraga.</p>

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Program SPS Madani dan SPS Padanan Caruman



Bil	Soalan	SPS Madani	SPS Padanan Caruman																				
			<p>x. SPS Didik Sektor pendidikan yang terdiri daripada pendidik, pelajar latihan industri, pengajar, tutor, pengajar agama, kaunselor, pakar motivasi.</p> <p>xi. SPS Servis Sektor Perkhidmatan Isi Rumah, Sektor Perkhidmatan Profesional, Premis Penginapan, Pemprosesan Data, Malim Gunung, Pemandu Pelancong, Sukarelawan, <i>Contract for Service</i> (bukan eksekutif), Pegawai Keselamatan, Teknologi Maklumat, Sektor Khidmat Sokongan-Pemilikan Tunggal/Perkongsian (Enterprise) berdaftar dengan SSM.</p>																				
3.	Berapakah bantuan Kerajaan yang disalurkan kepada OBS melalui inisiatif program Belanjawan ini?	<ul style="list-style-type: none"> • SPS Madani ini adalah berbentuk pembiayaan penuh Kerajaan (100%) di bawah Pelan Caruman 2 atau Pelan Caruman 4 mengikut kategori yang ditetapkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • SPS Padanan Caruman akan dibayar melalui sumbangan Kerajaan sebanyak 80%, (RM186.20) manakala baki 20% (RM46.60) akan dibayar oleh OBS di bawah Pelan Caruman 2. 																				
4.	Apakah pelan caruman Keselamatan Sosial yang disediakan oleh PERKESO di bawah SKSPS?	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat empat (4) jenis Pelan bayaran caruman SKSPS, seperti berikut: <table border="1"> <thead> <tr> <th>PELAN CARUMAN PILIHAN</th> <th>PENDAPATAN DIINSURANSKAN</th> <th>CARUMAN BULANAN</th> <th>CARUMAN TAHUNAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>RM1,050</td> <td>RM13.10</td> <td>RM157.20</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>RM1,550</td> <td>RM19.40</td> <td>RM232.80</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>RM2,950</td> <td>RM36.90</td> <td>RM442.80</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>RM3,950</td> <td>RM49.40</td> <td>RM592.80</td> </tr> </tbody> </table>	PELAN CARUMAN PILIHAN	PENDAPATAN DIINSURANSKAN	CARUMAN BULANAN	CARUMAN TAHUNAN	1	RM1,050	RM13.10	RM157.20	2	RM1,550	RM19.40	RM232.80	3	RM2,950	RM36.90	RM442.80	4	RM3,950	RM49.40	RM592.80	<p style="text-align: center;">Jadual 1 : Pelan Caruman SKSPS, PERKESO</p>
PELAN CARUMAN PILIHAN	PENDAPATAN DIINSURANSKAN	CARUMAN BULANAN	CARUMAN TAHUNAN																				
1	RM1,050	RM13.10	RM157.20																				
2	RM1,550	RM19.40	RM232.80																				
3	RM2,950	RM36.90	RM442.80																				
4	RM3,950	RM49.40	RM592.80																				

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Program SPS Madani dan SPS Padanan Caruman

Bil	Soalan	SPS Madani	SPS Padanan Caruman																	
5.	Di bawah inisiatif Belanjawan 2023, apakah pelan caruman yang dibiayai oleh Kerajaan?	<table border="1"> <thead> <tr> <th>PELAN CARUMAN</th> <th>SUMBANGAN KERAJAAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pelan 2 (RM232.80)</td> <td rowspan="2">100%</td> </tr> <tr> <td>Pelan 4 (RM592.80)</td> </tr> </tbody> </table> <p>Jadual 2: SPS Madani (100%)</p>	PELAN CARUMAN	SUMBANGAN KERAJAAN	Pelan 2 (RM232.80)	100%	Pelan 4 (RM592.80)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>PELAN CARUMAN</th> <th>SUMBANGAN KERAJAAN (80%)</th> <th>Caruman OBS (20%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pelan 2 RM232.80</td> <td>RM186.20</td> <td>RM46.60</td> </tr> </tbody> </table> <p>Jadual 3: SPS Padanan Caruman (80%: 20%)</p>	PELAN CARUMAN	SUMBANGAN KERAJAAN (80%)	Caruman OBS (20%)	Pelan 2 RM232.80	RM186.20	RM46.60						
PELAN CARUMAN	SUMBANGAN KERAJAAN																			
Pelan 2 (RM232.80)	100%																			
Pelan 4 (RM592.80)																				
PELAN CARUMAN	SUMBANGAN KERAJAAN (80%)	Caruman OBS (20%)																		
Pelan 2 RM232.80	RM186.20	RM46.60																		
6.	Apakah syarat-syarat yang melayakkan OBS untuk mendapatkan manfaat di bawah inisiatif Belanjawan 2023?	<p>Syarat-syarat kelayakan SPS Madani dan SPS Padanan Caruman yang ditawarkan kepada OBS hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bertaraf warganegara Malaysia atau pemastautin tetap tanpa mengira had umur. ii. Bekerja sepenuh masa atau separuh masa. iii. OBS yang bekerja di Malaysia. iv. OBS yang menyertai sektor seperti yang disenaraikan di Bil.2. 																		
7.	Apakah manfaat yang disediakan kepada OBS yang menyertai inisiatif Belanjawan 2023 ini?	<p>Manfaat atau faedah perlindungan Keselamatan Sosial yang disediakan di bawah SPS Madani dan SPSP Padanan Caruman adalah seperti dinyatakan di Jadual 4 berikut :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">JENIS FAEDAH</th> <th colspan="2">PELAN CARUMAN</th> </tr> <tr> <th>PELAN 2</th> <th>PELAN 4</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Faedah Perubatan</td> <td colspan="2">Rawatan perubatan di klinik panel / hospital kerajaan PERKESO dan membuat tuntutan penggantian perbelanjaan yang dikeluarkan.</td> </tr> <tr> <td>Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)</td> <td>80% daripada RM1,550 (setiap cuti sakit berkelayakan menerima RM41.33 sehari)</td> <td>80% daripada RM3,950 (setiap cuti sakit berkelayakan menerima RM105.33 sehari)</td> </tr> <tr> <td>Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK)</td> <td>90% daripada RM1,550 dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.</td> <td>90% daripada RM3,950 dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.</td> </tr> <tr> <td>Faedah Orang Tanggungan (FOT)</td> <td>RM1,395* sebulan sepanjang hayat *tertakluk kepada kategori orang tanggungan.</td> <td>RM3,555* sebulan sepanjang hayat *tertakluk kepada kategori orang tanggungan.</td> </tr> </tbody> </table>		JENIS FAEDAH	PELAN CARUMAN		PELAN 2	PELAN 4	Faedah Perubatan	Rawatan perubatan di klinik panel / hospital kerajaan PERKESO dan membuat tuntutan penggantian perbelanjaan yang dikeluarkan.		Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)	80% daripada RM1,550 (setiap cuti sakit berkelayakan menerima RM41.33 sehari)	80% daripada RM3,950 (setiap cuti sakit berkelayakan menerima RM105.33 sehari)	Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK)	90% daripada RM1,550 dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.	90% daripada RM3,950 dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.	Faedah Orang Tanggungan (FOT)	RM1,395* sebulan sepanjang hayat *tertakluk kepada kategori orang tanggungan.	RM3,555* sebulan sepanjang hayat *tertakluk kepada kategori orang tanggungan.
JENIS FAEDAH	PELAN CARUMAN																			
	PELAN 2	PELAN 4																		
Faedah Perubatan	Rawatan perubatan di klinik panel / hospital kerajaan PERKESO dan membuat tuntutan penggantian perbelanjaan yang dikeluarkan.																			
Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)	80% daripada RM1,550 (setiap cuti sakit berkelayakan menerima RM41.33 sehari)	80% daripada RM3,950 (setiap cuti sakit berkelayakan menerima RM105.33 sehari)																		
Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK)	90% daripada RM1,550 dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.	90% daripada RM3,950 dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.																		
Faedah Orang Tanggungan (FOT)	RM1,395* sebulan sepanjang hayat *tertakluk kepada kategori orang tanggungan.	RM3,555* sebulan sepanjang hayat *tertakluk kepada kategori orang tanggungan.																		

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Program SPS Madani dan SPS Padanan Caruman



Bil	Soalan	SPS Madani	SPS Padanan Caruman										
		<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="478 555 801 622">JENIS FAEDAH</th> <th data-bbox="801 555 1503 622">PELAN CARUMAN</th> </tr> <tr> <td data-bbox="478 622 801 712">Elaun Layanan Sentiasa (ELS)</td> <td data-bbox="801 622 1503 712">RM500 sebulan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="478 712 801 801">Faedah Pengurusan Mayat</td> <td data-bbox="801 712 1503 801">RM2,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="478 801 801 947">Faedah Pinjaman Pendidikan</td> <td data-bbox="801 801 1503 947">Faedah berbentuk pinjaman pendidikan kepada anak OBS yang layak sekiranya OBS meninggal dunia akibat Bencana Pekerjaan Sendiri atau menerima bayaran berkala Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="478 947 801 1093">Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional</td> <td data-bbox="801 947 1503 1093">Bekalan alat bantuan seperti kerusi roda, tilam, tongkat, anggota tiruan, fisioterapi, dan lain-lain. Program "Return to Work (RTW)" serta latihan vokasional dalam bidang kursus yang ditawarkan di Pusat REHAB PERKESO.</td> </tr> </thead> </table> <p data-bbox="502 1122 1485 1227">Jadual 4 : Faedah Perlindungan Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri Mengikut Pelan Caruman Setelah Kes Disahkan Sebagai Bencana Pekerjaan Sendiri.</p>	JENIS FAEDAH	PELAN CARUMAN	Elaun Layanan Sentiasa (ELS)	RM500 sebulan	Faedah Pengurusan Mayat	RM2,000	Faedah Pinjaman Pendidikan	Faedah berbentuk pinjaman pendidikan kepada anak OBS yang layak sekiranya OBS meninggal dunia akibat Bencana Pekerjaan Sendiri atau menerima bayaran berkala Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK)	Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional	Bekalan alat bantuan seperti kerusi roda, tilam, tongkat, anggota tiruan, fisioterapi, dan lain-lain. Program "Return to Work (RTW)" serta latihan vokasional dalam bidang kursus yang ditawarkan di Pusat REHAB PERKESO.	
JENIS FAEDAH	PELAN CARUMAN												
Elaun Layanan Sentiasa (ELS)	RM500 sebulan												
Faedah Pengurusan Mayat	RM2,000												
Faedah Pinjaman Pendidikan	Faedah berbentuk pinjaman pendidikan kepada anak OBS yang layak sekiranya OBS meninggal dunia akibat Bencana Pekerjaan Sendiri atau menerima bayaran berkala Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK)												
Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional	Bekalan alat bantuan seperti kerusi roda, tilam, tongkat, anggota tiruan, fisioterapi, dan lain-lain. Program "Return to Work (RTW)" serta latihan vokasional dalam bidang kursus yang ditawarkan di Pusat REHAB PERKESO.												
8.	Bagaimanakah permohonan ini boleh dibuat?	<p>Permohonan bagi SPS Madani boleh dibuat melalui:</p> <ol style="list-style-type: none"> Permohonan secara individu atau melalui agensi boleh dilakukan di Portal Matrix : matrix.perkeso.gov.my Melalui agensi pentadbiran kawal selia masing-masing. Tempoh perlindungan bermula setelah penerimaan senarai pemohon daripada agensi kepada pihak PERKESO. 	<p>Permohonan bagi SPS Padanan Caruman adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Permohonan dan bayaran (secara individu atau melalui agensi) boleh dilakukan di Portal MATRIX; matrix.perkeso.gov.my Melalui mobil aplikasi PERKESO. Melalui kaunter Pejabat PERKESO yang berdekatan. Melalui Ejen Korporat PERKESO yang berdaftar. Tempoh perlindungan bermula setelah penerimaan bayaran 20% (RM46.60) daripada pemohon kepada pihak PERKESO. 										

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Program SPS Madani dan SPS Padanan Caruman



Bil	Soalan	SPS Madani	SPS Padanan Caruman												
9.	Apakah dokumen yang diperlukan semasa membuat pendaftaran ini?	<p>Permohonan bagi SPS Madani boleh dibuat melalui :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Salinan kad pengenalan ii. Surat pelantikan / pengesahan kerja – untuk petugas madani komuniti / anggota sektor awam (<i>contract for service</i>) / Anggota Sukarelawan / Guru Takmir/ Imam/ Bilal/ Siak/ Noja/ Merbut 	<p>Dokumen sokongan OBS yang diperlukan untuk SPS Padanan Caruman ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Salinan kad pengenalan ii. Surat pengesahan pekerjaan daripada agensi atau pihak berkuasa yang berkaitan tertakluk kepada jenis sektor 												
10.	Bagaimanakah jika OBS melakukan aktiviti pekerjaan sendiri lebih daripada satu sektor?	<p>Sekiranya mana-mana OBS yang melakukan aktiviti pekerjaan sendiri lebih daripada satu sektor, mereka dibenarkan menyertai SPS Madani atau SPS Padanan Caruman untuk sekali penyertaan sahaja.</p>													
11.	Bagaimanakah sekiranya OBS telah mencarum SKSPS, adakah beliau layak menyertai program ini?	<p>Senario serta kelayakan untuk kedua-dua inisiatif Kerajaan (SPS Madani dan SPS Padanan Caruman) diterangkan di dalam Jadual 5, di bawah:</p> <p>i. Senario 1 - OBS Belum wujud di dalam Sistem MATRIX.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>PELAN TERKINI (STATUS PERLINDUNGAN)</th> <th>STATUS SISTEM DIKUNCI</th> <th>TINDAKAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tidak Berkaitan.</td> <td>Tidak Berkaitan.</td> <td>Terima permohonan. Mendaftar OBS dan menerima amaun bayaran daripada OBS.</td> </tr> </tbody> </table> <p>ii. Senario 2 - Nama OBS Sudah wujud di dalam Sistem MATRIX tetapi belum daftar/sertai SPS Padanan Caruman</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>PELAN TERKINI (STATUS PERLINDUNGAN)</th> <th>STATUS SISTEM DIKUNCI</th> <th>TINDAKAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pelan 1/2/3/4 (Aktif) Caruman secara bulanan/ tahunan.</td> <td>Sistem dikunci/ tidak dikunci.</td> <td>Terima Permohonan Dan Daftar</td> </tr> </tbody> </table>		PELAN TERKINI (STATUS PERLINDUNGAN)	STATUS SISTEM DIKUNCI	TINDAKAN	Tidak Berkaitan.	Tidak Berkaitan.	Terima permohonan. Mendaftar OBS dan menerima amaun bayaran daripada OBS.	PELAN TERKINI (STATUS PERLINDUNGAN)	STATUS SISTEM DIKUNCI	TINDAKAN	Pelan 1/2/3/4 (Aktif) Caruman secara bulanan/ tahunan.	Sistem dikunci/ tidak dikunci.	Terima Permohonan Dan Daftar
PELAN TERKINI (STATUS PERLINDUNGAN)	STATUS SISTEM DIKUNCI	TINDAKAN													
Tidak Berkaitan.	Tidak Berkaitan.	Terima permohonan. Mendaftar OBS dan menerima amaun bayaran daripada OBS.													
PELAN TERKINI (STATUS PERLINDUNGAN)	STATUS SISTEM DIKUNCI	TINDAKAN													
Pelan 1/2/3/4 (Aktif) Caruman secara bulanan/ tahunan.	Sistem dikunci/ tidak dikunci.	Terima Permohonan Dan Daftar													

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Program SPS Madani dan SPS Padanan Caruman

Bil	Soalan	SPS Madani	SPS Padanan Caruman												
		<p>iii. Senario 3 - Nama OBS sudah wujud di dalam Sistem MATRIX tetapi belum daftar/sertai SPS Padanan Caruman.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>PELAN TERKINI (STATUS PERLINDUNGAN)</th> <th>STATUS SISTEM DIKUNCI</th> <th>TINDAKAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pelan 1/2/3/4 (Tamat tempoh) Caruman secara bulanan/tahunan.</td> <td>Sistem dikunci/ tidak dikunci.</td> <td>Terima Permohonan Dan Daftar</td> </tr> </tbody> </table> <p>v. Senario 4 - Nama OBS sudah wujud di dalam Sistem MATRIX dan mempunyai caruman program bagi sektor yang dimohon (permohonan kali ke-2 bagi sektor dan program yang sama)</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>PELAN TERKINI (STATUS PERLINDUNGAN)</th> <th>STATUS SISTEM DIKUNCI</th> <th>TINDAKAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pelan 2/4 (Aktif/ Tamat tempoh) Caruman secara bulanan/tahunan.</td> <td>Sistem dikunci/ tidak dikunci.</td> <td>Tolak permohonan. OBS tidak layak mencarum dua kali di bawah sektor dan program yang sama bagi bayaran tahun semasa. (1 OBS per sector per program per payment year)</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;">Jadual 5 : Senario Pilihan Pelan Caruman</p>		PELAN TERKINI (STATUS PERLINDUNGAN)	STATUS SISTEM DIKUNCI	TINDAKAN	Pelan 1/2/3/4 (Tamat tempoh) Caruman secara bulanan/tahunan.	Sistem dikunci/ tidak dikunci.	Terima Permohonan Dan Daftar	PELAN TERKINI (STATUS PERLINDUNGAN)	STATUS SISTEM DIKUNCI	TINDAKAN	Pelan 2/4 (Aktif/ Tamat tempoh) Caruman secara bulanan/tahunan.	Sistem dikunci/ tidak dikunci.	Tolak permohonan. OBS tidak layak mencarum dua kali di bawah sektor dan program yang sama bagi bayaran tahun semasa. (1 OBS per sector per program per payment year)
PELAN TERKINI (STATUS PERLINDUNGAN)	STATUS SISTEM DIKUNCI	TINDAKAN													
Pelan 1/2/3/4 (Tamat tempoh) Caruman secara bulanan/tahunan.	Sistem dikunci/ tidak dikunci.	Terima Permohonan Dan Daftar													
PELAN TERKINI (STATUS PERLINDUNGAN)	STATUS SISTEM DIKUNCI	TINDAKAN													
Pelan 2/4 (Aktif/ Tamat tempoh) Caruman secara bulanan/tahunan.	Sistem dikunci/ tidak dikunci.	Tolak permohonan. OBS tidak layak mencarum dua kali di bawah sektor dan program yang sama bagi bayaran tahun semasa. (1 OBS per sector per program per payment year)													
12.	Bagaimanakah OBS boleh membuat semakan kelayakan atau kelulusan penyertaan program inisiatif Kerajaan ini?	<p>OBS boleh membuat semakan kelayakan atau kelulusan program SKSPS melalui kaedah berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> OBS boleh menyemak pendaftaran dan caruman melalui Sistem Matrix (matrix.perkeso.gov.my) iaitu melalui status Pengesahan Bekerja Sendiri atau aplikasi mobil PERKESO. Semakan kelayakan permohonan di 54 buah kaunter pejabat PERKESO di seluruh negara. Berhubung terus dengan Pegawai Khidmat Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 OBS yang berjaya menyertai inisiatif ini akan menerima notifikasi pengesahan penyertaan melalui emel. 													

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Program SPS Madani dan SPS Padanan Caruman

Bil	Soalan	SPS Madani	SPS Padanan Caruman
13.	Bilakah tarikh dan tempoh perlindungan bermula?	<p>Tarikh bayaran yang diterima dianggap sebagai tarikh kuatkuasa bermulanya tempoh perlindungan atau sejurus selepas perlindungan pelan caruman sedia ada telah tamat tempoh.</p> <p>Bayaran caruman untuk inisiatif ini adalah untuk tempoh perlindungan 12 bulan bagi setiap permohonan yang dikemukakan.</p>	
14.	Sekiranya OBS seorang pemilik tunggal yang berdaftar dengan SSM menjalankan pelbagai sektor, sektor manakah yang boleh dicarumkan?	<p>OBS dalam kalangan pemilik tunggal yang berdaftar dengan SSM boleh memilih mana-mana tawaran perlindungan di bawah kategori SPS Padanan Caruman yang sesuai dan berkaitan dengan sektor yang beliau ceburi dan didaftarkan di bawah SSM.</p> <p>Umpamanya, sekiranya beliau berdaftar sebagai seorang penjaja di bawah SSM maka kategori sesuai untuk beliau di bawah SPS Padanan Caruman adalah SPS Jaja 2.0</p>	
15.	Bilakah tarikh kuatkuasa dan tempoh tamat permohonan inisiatif ini?	<p>Permohonan boleh dibuat bermula 01 Mei 2023 dan kelulusan setiap permohonan yang dikemukakan adalah tertakluk kepada keputusan PERKESO.</p>	

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Khidmat Pelanggan PERKESO di talian **1 300 22 8000** atau e-mel kepada perkeso@perkeso.gov.my.